

Notis MSD Malaysia Tentang Amalan Data Bagi Tujuan Yang Berkait Dengan Pekerjaan

<p>FAKTA</p>	<p>Notis ini memberikan gambaran keseluruhan yang lengkap mengenai amalan Merck Sharp & Dohme (Malaysia) Sdn Bhd (“MSD”), sebuah anggota keluarga syarikat Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA sedunia, berhubung dengan pengutipan, penggunaan dan pendedahan data bagi tujuan yang berkait dengan pekerjaan, tentang para pekerja, ahli keluarga mereka, dan orang lain yang disimpan Maklumat Peribadinya oleh Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA dan rakan-rakan gabungannya disebabkan hubungan orang itu dengan para pekerja.</p>
<p>Privasi di Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA</p>	<p>Di Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA – yang juga dikenali dengan nama Merck Sharp & Dohme (MSD), Merck Frosst Canada Ltd. di Kanada dan Banyu di Jepun (disebut semuanya sebagai “Syarikat”) – privasi adalah berlandaskan kepercayaan. Selaras dengan budaya kami, iaitu mendukung piawaian etika yang tinggi pada semua amalan perniagaan kami, kami telah membuktikan komitmen kami terhadap privasi melalui program sokongan global yang disusun dengan tujuan menyokong kepatuhan kepada undang-undang dan piawaian privasi yang berkenaan untuk melindungi maklumat peribadi di sekitar dunia.</p> <p><u>Perakuan Tempat Selamat</u> – Pada tahun 2001, Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA mula-mula memperakui kepatuhannya kepada Rangka Kerja Tempat Selamat tentang pemindahan maklumat peribadi mengenai para pekerja dan orang lain dari Kawasan Ekonomi Eropah ke Amerika Syarikat. Dasar Privasi Tempat Selamat MSD, yang juga merangkumi maklumat peribadi yang dipindahkan dari Switzerland ke Amerika Syarikat, boleh didapati di http://www.merck.com/policy/safe_harbor/home.html.</p>
<p>Mengapa?</p>	<p>Sebagai syarikat global, Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA terus mengambil pendirian bahawa kecekapan perniagaan yang penting boleh dicapai dengan cara menyatukan maklumat mengenai para pekerja, ahli keluarga mereka dan orang lain yang dimiliki Maklumat Peribadinya oleh Syarikat disebabkan hubungan orang itu dengan pekerja (“data sumber manusia”) ke dalam pangkalan data dan sistem di pejabat-pejabat MSD di Amerika Syarikat. Sistem perakaman data sumber manusia MSD yang utama ialah Hire-to-Retire (HtR) yang bertempat di Amerika Syarikat. HtR juga berkongsi data sumber manusia dengan sistem dan pangkalan data yang lain, yang dihoskan oleh atau bagi pihak Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA tetapi HtR serta sistem dan pangkalan data yang lain itu hanya akan mengutip, menerima, menggunakan dan berkongsi data sumber manusia <u>menurut dan sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan</u>, dan jika berkenaan, sebagaimana yang dibenarkan oleh pihak berkuasa kerajaan berhubung dengan aktiviti yang berkait dengan pekerjaan, yang mungkin merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • pengurusan kakitangan (contohnya perancangan bilangan pekerja, pengambilan pekerja baru, pemecatan, perancangan pelapis) • perancangan dan pembangunan organisasi serta pengurusan tenaga kerja • perancangan dan pentadbiran belanjawan • perancangan serta pengurusan imbuhan, senarai gaji dan manfaat (contohnya gaji, penahanan cukai, penyamaan cukai, anugerah, insurans dan pencen) • pembangunan, pendidikan, latihan dan persijilan tenaga kerja • pemeriksaan latar belakang • pengurusan prestasi • penyelesaian masalah (contohnya kajian dalaman, keluhan), penyiataan dalaman, pengauditan, pematuhan, pengurusan risiko dan keselamatan • tujuan memberikan kuasa, membenarkan, mentadbir, memantau dan menamatkan penggunaan atau kemasukan ke dalam sistem, bangunan, rekod, harta benda dan prasarana MSD • perjalanan rasmi (contohnya limousin, penerbangan komersial, perkhidmatan penerbangan MSD hotel, kereta sewa) • pengurusan belanja (contohnya pentadbiran kad korporat, belanja dan bidaan kuasa, pemerolehan) • pengurusan projek • pelaporan konflik kepentingan • perhubungan pekerja • pengaturan kerja yang fleksibel • pentadbiran pendaftaran dan penyertaan pekerja dalam aktiviti dan program yang ditawarkan kepada pekerja yang cukup syarat (contohnya memadankan sumbangan derma dengan

Tarikh Kuat Kuasa: December 2015.

MSD berhak mengambil tindakan untuk menambah atau mengeluarkan bahagian-bahagian notis ini pada bila-bila masa. Jika kami mengubah notis ini, kami akan menyiarkan notis yang kemas kini pada laman web kami, iaitu www.msd-r.com/privacy.



Notis MSD Malaysia Tentang Amalan Data Bagi Tujuan Yang Berkait Dengan Pekerjaan

<p>Mengapa? (samb.)</p>	<p>pertubuhan tanpa untung, sumbangan jawatankuasa tindakan politik, aktiviti kesejahteraan)</p> <ul style="list-style-type: none"> • pelaporan kecederaan dan penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan • pemantauan dan pengawasan kebersihan perindustrian, kesihatan awam dan keselamatan • tindakan undang-undang dan siasatan kerajaan, termasuklah pemeliharaan data yang relevan • sebagaimana yang diwajibkan ataupun yang dibenarkan secara nyata oleh undang-undang atau peraturan yang mengawal perniagaan kita sedunia ataupun oleh agensi-agensi kerajaan yang mengawasi perniagaan kita sedunia <p>Data anda wajib diserahkan atas tujuan pekerjaan.</p> <p>Jika undang-undang tempatan mewajibkan anda memberikan persetujuan yang khususnya membenarkan pengutipan, penggunaan dan pendedahan data sumber manusia bagi beberapa tujuan ini, anda mungkin diminta memberikan persetujuan anda dengan cara yang bersesuaian dan dibenarkan.</p>
<p>Apa?</p>	<p>Jenis data sumber manusia yang kami kutip (sama ada terus daripada anda ataupun daripada sumber maklumat awam atau pihak ketiga) dan dedahkan bergantung pada jenis jawatan dan peranan anda di MSD serta syarat undang-undang yang berkenaan. Antara lainnya, maklumat ini mungkin merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • maklumat perhubungan (contohnya nama, alamat rumah dan alamat pejabat, nombor telefon, faks dan alat kelui, alamat e-mel, maklumat perhubungan kecemasan) • maklumat peribadi (contohnya tarikh lahir, taraf perkahwinan, tempat lahir, kerakyatan, bangsa, jantina, agama, bahasa utama) • pekerjaan, prestasi, imbuhan dan manfaat (contohnya tarikh mula bekerja, tarikh perkhidmatan yang disesuaikan, kod tindakan/kedudukan, nombor pengenalan Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA, nama jawatan, pangkat/gred, kehadiran, jabatan, unit perniagaan, nama penyelia, tapak kerja, kesatuan, objektif, projek, penilaian prestasi, perkadaran prestasi dan kepimpinan, gaji, bonus, insentif jangka panjang, anugerah, persaraan, nama dan tarikh lahir ahli keluarga/tanggungannya) • pendidikan dan latihan (contohnya taraf pendidikan, jurusan dan nama institusi; tugasan kecekapan; lesen dan persijilan ikhtisas; kursus latihan) • nombor keselamatan sosial atau nombor pengenalan kebangsaan yang lain • nombor pasport • nombor lesen pemandu, nombor pendaftaran kenderaan • butir-butir akaun bank • nombor kad korporat • sejarah pekerjaan dan surat saranan • larangan dan penyesuaian kerja • penilaian dedahan kebersihan perindustrian dan maklumat pemantauan (contohnya hasil dosimetri hingar) • perjanjian yang anda tandatangani dengan Syarikat • penggunaan komputer atau kemudahan lain dan maklumat pengesahan (contohnya kod pengenalan, kata laluan) • penyelesaian keluhan • gambar anda dan imej visual anda yang lain <p>Contoh-contoh yang diberikan ini tidak meliputi semua jenis maklumat. Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA juga mungkin mengutip maklumat yang serupa ataupun yang berkaitan dengannya.</p> <p>Data sensitif: (contohnya, data yang mendedahkan bangsa, keturunan, pegangan agama atau falsafah, kesihatan, haluan seksual, pendapat politik atau keahlian kesatuan sekerja, atau kesalahan yang dilakukan atau yang dikatakan telah dilakukan) dikutip hanya jika diwajibkan oleh undang-undang serta digunakan dan didedahkan hanya untuk memenuhi keperluan undang-undang.</p>
<p>Bagaimana?</p>	<p>Di dalam ruangan di bawah ini, kami senaraikan sebab-sebabnya Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA biasanya mungkin mendedahkan data sumber manusia untuk tujuan yang berkaitan dengan pekerjaan, sebab-sebabnya Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA mungkin mendedahkan maklumat ini dan sama ada anda boleh mengehadrkannya. Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA melaksanakan</p>

Tarikh Kuat Kuasa: December 2015.

MSD berhak mengambil tindakan untuk melindungi privasi anda. Kami akan menambah atau mengeluarkan bahagian-bahagian notis ini pada bila-bila masa. Jika kami mengubah notis ini, kami akan menyiarkan notis yang kemas kini pada laman web kami, iaitu www.msd-r.com.



Proprietary

Privacy

Notis MSD Malaysia Tentang Amalan Data Bagi Tujuan Yang Berkait Dengan Pekerjaan

	langkah keselamatan yang berpatutan dan bersesuaian untuk melindungi maklumat peribadi mengikut tahap sensitivitinya daripada hilang, disalah guna, diambil tanpa izin, didedahkan, diubah atau dimusnahkan.	
Sebab-sebabnya maklumat peribadi mengenai anda mungkin didedahkan untuk tujuan yang berkait dengan pekerjaan	Adakah kami mendedharkannya?	Bolehkah anda hadkan dedahan ini?
Laporan kepada pihak berkuasa kerajaan	Ya, contohnya untuk melaporkan maklumat tentang keselamatan produk kami.	Tidak boleh
Kepada pihak-pihak yang terlibat dengan tindakan undang-undang yang relevan, sebagaimana yang dibenarkan oleh mahkamah atau tribunal yang mengadilinya, ataupun setakat yang diwajibkan atau dibenarkan secara nyata oleh undang-undang yang dikenakan	Ya, jika diwajibkan oleh undang-undang atau peraturan.	Tidak boleh, kecuali diwajibkan oleh undang-undang tempatan.
Atas sebab perniagaan, jika Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA mengambil keputusan menamatkan sebahagian atau seluruh perniagaannya melalui penjualan, penggabungan atau pemerolehan, kepada pembeli yang sebenar atau kepada bakal pembeli	Ya, berdasarkan perjanjian bertulis bahawa maklumat peribadi akan dilindungi dengan baik dalam keadaan begini.	Secara amnya, tidak boleh, kecuali undang-undang tempatan membenarkan anda mengecualikan diri ataupun menghendaki persetujuan anda yang nyata.
Kepada syarikat-syarikat secara global yang menyampaikan perkhidmatan bagi pihak kami dan menurut arahan kami (contohnya untuk menyampaikan maklumat khusus yang anda mohon)	Ya, jika operasi perniagaan yang berkenaan disokong oleh syarikat lain. Sebagai syarikat global, kami mungkin bekerja seiring dengan syarikat-syarikat serata dunia dengan tujuan memberikan perkhidmatan untuk atau bagi pihak kami, dan kami menghendaki syarikat-syarikat tersebut melindungi maklumat peribadi selaras dengan undang-undang, kaedah dan peraturan yang berkenaan dan selaras dengan dasar privasi Syarikat.	Secara amnya, tidak boleh. Kami menyediakan mekanisme dasar, berkontrak dan pentadbiran yang mensyaratkan perlindungan maklumat peribadi oleh syarikat-syarikat lain yang memproses maklumat peribadi bagi pihak kami secara global. Walau bagaimanapun, jika undang-undang tempatan memberi anda hak menghadkan pendedahan ini, kami akan mematuhi keperluan itu. Jika operasi perniagaan kami disokong oleh syarikat-syarikat lain, misalnya syarikat yang kami berikan kontrak untuk mengirimitkan bahan-bahan yang anda mohon, anda tidak boleh menghadkan pendedahan ini jika anda masih mahu menerima perkhidmatan tersebut.
Kepada rakan-rakan gabungan* di dalam keluarga syarikat Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA sedunia untuk tujuan perniagaan harian seperti yang diterangkan di dalam notis ini *Rakan gabungan ialah syarikat yang terkait oleh hak milik atau kawalan bersama. Di luar Amerika Syarikat, rakan-rakan	Ya, sebagai syarikat global, kami secara amnya berkongsi maklumat peribadi dengan semua pejabat kami sedunia untuk tujuan yang diterangkan di dalam notis ini tetapi hanya mereka yang perlu mendapatkan maklumat peribadi untuk tujuan ini atas alasan rasmi yang kukuh sahaja yang akan diberi laluan. Contohnya, data sumber manusia mengenai anda akan	Secara amnya, tidak boleh. Kami menyediakan mekanisme dasar, berkontrak dan pentadbiran yang mensyaratkan perlindungan maklumat peribadi oleh perniagaan-perniagaan kami secara global. Walau bagaimanapun, jika undang-undang tempatan memberi anda hak menghadkan pendedahan ini, kami akan mematuhi keperluan itu. Anda boleh memohon agar kami tidak


Tarikh Kuat Kuasa: December 2015.

MSD berhak mengambil tindakan untuk menambah atau mengeluarkan bahagian-bahagian notis ini pada bila-bila masa. Jika kami mengubah notis ini, kami akan menyiarkan notis yang kemas kini pada laman web kami, iaitu www.msd-r.com/privacy.



Proprietary

Notis MSD Malaysia Tentang Amalan Data Bagi Tujuan Yang Berkait Dengan Pekerjaan

<p><i>gabungan Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA biasanya beroperasi atas nama "MSD" atau "Merck Sharp & Dohme"</i></p>	<p>disediakan untuk pihak pengurusan anda yang mungkin bertempat di negara lain, Rakan Niaga Sumber Manusia yang bertanggungjawab terhadap negara anda dan pusat sumber manusia yang bertempat di Amerika Syarikat atau serantau yang bertanggungjawab terhadap beberapa fungsi sumber manusia yang tertentu, contohnya perancangan imbuhan dan manfaat.</p>	<p>memindahkan maklumat peribadi ke luar negara anda tetapi selalunya, ini akan banyak mengehendaki perkhidmatan yang boleh kami berikan kepada anda. Jika pelayan komputer, pangkalan data atau proses kami bertempat di negara lain, kami selalunya tidak dapat menunaikan permohonan sedemikian jika anda mahu kami terus memberikan perkhidmatan tersebut kepada anda.</p>
<p>Kepada syarikat-syarikat lain yang berusaha sama dengan kami semata-mata bagi aktiviti yang berkaitan dengan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan bersama ataupun yang dihasilkan oleh Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA bersama dengan syarikat tersebut</p>	<p>Ya, tertakluk kepada perjanjian bertulis antara Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA dengan syarikat-syarikat tersebut, yang menghendaki syarikat-syarikat itu melindungi maklumat sulit yang diberikan kepada mereka oleh Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA.</p>	<p>Boleh, jika dibenarkan oleh undang-undang. Walau bagaimanapun, jika anda memohon agar dikecualikan daripada pendedahan ini, anda tidak akan dapat menyertai projek-projek pembangunan bersama yang diusahakan oleh Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA bersama-sama dengan syarikat-syarikat tersebut.</p>
<p>Kepada syarikat yang berusaha sama dengan Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA: untuk kegunaan produk dan perkhidmatan mereka sendiri</p>	<p>Dalam keadaan yang jarang-jarang berlaku, syarikat yang berusaha sama dengan kami tetapi yang tidak berurusan bagi pihak kami boleh memohon agar kami berkongsi data sumber manusia supaya mereka dapat menyampaikan maklumat tentang produk dan perkhidmatan mereka kepada anda. Dalam keadaan sedemikian, kami hanya akan mendedahkan maklumat mengenai anda jika anda mengizinkannya secara nyata.</p>	<p>Boleh</p>
<p>Pemindahan data peribadi ke luar Malaysia</p>		
<p>MSD mungkin memindahkan data peribadi tentang diri anda ke luar Malaysia untuk tujuan yang diterangkan di dalam borang ini. Persetujuan anda untuk membenarkan kami memindahkan data peribadi tentang diri anda ke luar Malaysia diterangkan di dalam borang ini.</p>		
<p style="font-size: 1.2em; font-weight: bold;">Hubungi Kami</p> 	<p>Jika anda ingin bertanya mengenai notis ini ataupun mengenai maklumat peribadi yang dikutip, digunakan dan didedahkan oleh Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA mengenai anda, ataupun jika anda ingin mendapatkan, membetulkan atau mengemaskinikan maklumat peribadi mengenai anda di dalam pangkalan data Merck & Co., Inc., Kenilworth, NJ, USA selaras dengan hak anda di bawah undang-undang yang dikenakan, hubungilah kami.</p> <p><u>Untuk menghubungi Pegawai Privasi MSD Malaysia, tulislah kepada:</u> Compliance dan Privacy Officer MSD T2-9, Jaya 33, No 3, Jalan Semangat, Seksyen 13 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia. Tel: +60377181600 Fax: +60377181700</p> <p><u>Untuk menghubungi Pejabat Privasi Merck & Co., Inc., North Wales, PA, USA, tulislah kepada:</u> Merck & Co., Inc., North Wales, PA, USA, Privacy Office</p>	

Tarikh Kuat Kuasa: December 2015.

MSD berhak mengambil atau mengeluarkan bahagian-bahagian notis ini pada bila-bila masa. Jika kami mengubah notis ini, kami akan menyiarkan notis yang kemas kini pada laman web kami, iaitu www.msd-rivacy.com.



Notis MSD Malaysia Tentang Amalan Data Bagi Tujuan Yang Berkait Dengan Pekerjaan

UG4B24
351 N. Sumneytown Pike
North Wales, PA 19454
Atau kirimkan e-mel kepada [Pejabat Privasi Merck](#)

Tarikh Kuat Kuasa: December 2015.

MSD berhak menambah atau mengeluarkan bahagian-bahagian notis ini pada bila-bila masa. Jika kami mengambil keputusan untuk mengubah notis ini, kami akan menyiarkan notis yang kemas kini pada laman web kami, iaitu www.msd-r.com/privacy.

